

# Mangsa berkurang

**A**LOR SETAR: Bilangan mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan banjir menunjukkan penurunan dengan seramai 5,103 mangsa daripada 1,330 keluarga masih berada di pusat pemindahan membabitkan daerah Kota Setar dan Kubang Pasu.

Hujan lebat dua hingga tiga jam sejak beberapa hari lalu, menyebabkan penduduk panik dan membuat persiapan awal menghadapi banjir.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kedah ketika dihubungi berkata, sehingga petang semalam, daripada jumlah itu 3,342 orang membabitkan 816 keluarga adalah mangsa banjir di daerah Kota Setar, ma-

nakala di Kubang Pasu pula seramai 1,761 orang membabitkan 517 keluarga.

“Sebanyak 21 pusat pemindahan masih beroperasi di negeri ini, 12 di Kota Setar, manakala 9 lagi di daerah Kubang Pasu,” katanya.

Sementara itu, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), belum menetapkan tarikh operasi semula Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim (LTSAH) di sini, sehingga kerja pembersihan dilakukan terutama di bahagian landasan dan sistem pencahayaan landasan.

Pengurus MAHB Kedah, Azmi Darus berkata, pihaknya dalam proses mendapatkan kontraktor untuk melakukan kerja pembersihan di kawasan berkenaan.